

	Tajuk: DASAR STANDARD TATANIAGA GLOBAL	Nombor: LGL-1000 Semakan: 18 Tarikh Kkuatkuasa: July 29, 2021
Organisasi: Jabatan Undang-Undang	Kumpulan Berfungsi: Etika dan Pematuhan	
Pengarang: Kelley M. Kinney Nama Jawatan: Pengarah Kanan, Etika dan Pematuhan	Pemilik Proses: Nick Bougopoulos Nama Jawatan: Naib Presiden, Ketua Pegawai Pematuhan	
Disahkan Oleh: Ava Hahn Nama Jawatan: Naib Presiden Kanan, Ketua Pegawai Undang-undang		



Lam Research® LGL-1000, Tataniaga Standard Global

Amalan Nilai Teras Kita

1. Kandungan

1	Introduction	2	4	Our Relationship with Other Companies and Stakeholders	15
1.1	Statement of Policy	2	4.1	Antitrust Regulations.....	15
1.2	Affected Parties	2	4.2	Trade Controls.....	16
1.3	Administration and Enforcement	2	4.3	Preventing Bribery and Corruption	17
1.4	Definitions.....	3	4.4	Environmental, Health, and Safety.....	18
1.5	Decision-Making Checklist.....	3	4.5	Insider Trading	18
2	Our Relationship with Each Other	4	4.6	Charitable Donations, Political Contributions, and Political Activities	18
2.1	Fair Employment Practices	4	4.7	Public Communications.....	20
2.2	Anti-Harassment	4	5	How We Uphold the Policy.....	20
2.3	Combating Trafficking and Forced Labor.....	4	5.1	Ethics and Compliance Team	20
2.4	Workplace Health and Safety.....	4	5.2	The Ethics Helpline	20
2.5	Protecting Employee Information	5	5.3	Compliance.....	21
3	Our Relationship with the Company	5	5.4	Investigations, Litigation, and Other Legal Matters.....	21
3.1	Protecting Confidential Information.....	5	5.5	Asking Questions and Reporting Concerns or Violations	21
3.2	Protecting Intellectual Property Rights	8	5.6	Safe Reporting.....	22
3.3	Ensuring Financial Integrity and Responsibility	9			
3.4	Using Lam’s Assets and Communications Systems Responsibly.....	10			
3.5	Avoiding Conflicts of Interest	11			

1 Pengenalan

1.1 Pernyataan Dasar

Dasar Standard Tataniaga Global ("Dasar" atau "Standard Global") mendokong Nilai Teras Lam dan menentukan standard tataniaga yang kami harapkan daripada setiap anggota tenaga kerja kami di Lam dan subsidiarinya ("Lam" atau "Syarikat"). Dasar ini melengkapkan, dan tidak menggantikan, dasar dan tatacara Lam yang lain, serta mengawal tingkah laku anda. Anda diminta untuk membaca dan memahami Dasar ini, agar sentiasa bertindak secara beretika, menerapkan standard dan pertimbangan yang tinggi. Perkara-perkara yang terangkum dalam Dasar ini sangat penting, maka, anda mesti menandatangani dokumen sewaktu di awal pengambilan bekerja dan selepas itu secara berkala sebagai mengesahkan pemahaman dan pematuhan anda terhadap Dasar ini.

Dasar ini berteraskan pelbagai undang-undang selain dasar-dasar Syarikat. Pelanggaran undang-undang tersebut boleh mengakibatkan penalti dan hukuman sivil dan jenayah kepada Syarikat dan pekerjanya.

Anda dijangka akan mendapatkan panduan apabila anda ada pertanyaan atau kebimbangan berkaitan perkara-perkara yang terangkum dalam Dasar ini, dan segera memaklumkan Jabatan Undang-undang Lam ("Undang-undang") atau pasukan Etika dan Pematuhan jika terdapat apa-apa pendedahan yang diperlukan oleh Dasar ini. Anda boleh menghubungi pasukan Etika dan Pematuhan secara sulit dengan menghantar e-mel ke ethics@lamresearch.com. Anda juga boleh menghubungi Talian Bantuan Etika dalam talian di www.lamhelpline.ethicspoint.com, atau melalui talian telefon 1-855-208-8578 jika anda berada di Amerika Syarikat. Nombor telefon tambahan untuk negara lain dalam talian di www.lamhelpline.ethicspoint.com.

Topik dalam Dasar disusun di bawah tajuk utama untuk memudahkan rujukan. Tajuk-tajuk ini mewakili hubungan kita antara satu sama lain, Syarikat kita, dan syarikat serta pihak berkepentingan yang lain. Beberapa topik tidak terhad untuk satu kumpulan sahaja tetapi boleh diguna pakai oleh beberapa kumpulan.

Lam boleh mengubah atau membatalkan mana-mana peruntukan dalam Dasar ini pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu.

1.2 Pihak Yang Terlibat

Dasar ini diguna pakai di peringkat global untuk semua pekerja Lam, pekerja sementara, kontraktor, dan perunding. Setiap individu bertanggungjawab untuk mematuhi Dasar ini. Jabatan Undang-undang bertanggungjawab terhadap penafsiran Dasar.

1.3 Pentadbiran dan Penguatkuasaan

Wakil kepada Ketua Pegawai Undang-Undang ialah pentadbir dasar ini dan boleh meminda dasar ini jika diperlukan. Pengecualian terhadap dasar ini memerlukan kelulusan oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Undang-Undang atau Ketua Pegawai Pematuhan. Eksekutif operasi Syarikat (seperti Pengarah Operasi atau Naib Presiden) dijangkakan menentukan tatacara dan garis panduan yang sesuai di bawah dasar ini. Perkara ini dijangkakan akan diterbitkan secara berasingan

Nilai Teras Kita

- Pencapaian
- Kejujuran dan Integriti
- Inovasi dan Peningkatan Berterusan
- Saling Mempercayai dan Hormat Menghormati
- Komunikasi Terbuka
- Pemilikan dan Akauntabiliti
- Kerja berpasukan
- Fikirkan: Pelanggan, Syarikat, Individu

dan disimpan dengan sewajarnya di lokasi yang tersedia untuk semua orang yang memerlukan akses (misalnya SharePoint).

1.4 Definisi


"Lam" atau "Syarikat" merujuk kepada Lam Research Corporation dan setiap subsidiarinya.

"Dasar" merujuk kepada Standard Tataniaga Global ini termasuk mana-mana dasar Syarikat lain yang disebut dalam Standard Tataniaga Global ini.

"Anda" atau "milik Anda" merujuk kepada setiap individu yang mana Dasar ini diguna pakai.

1.5 Senarai Semak Membuat Keputusan

Oleh kerana tidak mungkin untuk menjangka semua keadaan yang mungkin timbul, senarai semak ini dapat membantu anda menghadapi situasi sukar.



Sekiranya anda belum melihat dasar-dasar yang relevan, sila semak sebelum anda meneruskan.

Sekiranya anda menjawab TIDAK untuk mana-mana soalan ini, jangan terlibat dalam tingkah laku tersebut. Sekiranya anda tidak pasti tentang jawapan untuk soalan-soalan ini, sila minta bantuan daripada orang yang sesuai (seperti pengurus, Undang-undang, atau Etika dan Pematuhan anda).

Sekiranya anda menjawab YA untuk semua soalan, anda boleh teruskan.

Contoh Keselamatan

S. Saya ada masalah keselamatan, tetapi saya bimbang jika saya menyuarakannya ia mungkin melambatkan pengeluaran dan kita tidak dapat menepati tarikh akhir pelanggan kita. Apa patut saya buat?

J. Walaupun tarikh akhir itu penting, kesihatan dan keselamatan lebih utama. Sila suarakan segera kebimbangan, walaupun ini bermakna pengeluaran akan menjadi perlahan atau terlepas tarikh akhir.

Maklumat Pengenalan Diri

Contohnya termasuk nombor keselamatan sosial, tarikh lahir, kewarganegaraan, jantina, etnik, nombor pasport, alamat kediaman dan nombor telefon, maklumat lesen memandu, maklumat pendidikan, keadaan keluarga, nombor ID pekerja, dan gambar.

2 Hubungan Kita antara Satu Sama Lain

Warga kerja kita merupakan sumber utama Syarikat. Kita komited untuk memupuk persekitaran kerja yang selamat, profesional, dan di mana pekerja berpeluang untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya.

2.1 Amalan Pekerjaan yang Adil

Kami ialah majikan yang mengamalkan kesaksamaan. Syarikat kita komited untuk memberi peluang yang sama rata dalam pekerjaan dan mengamalkan dasar tanpa diskriminasi, amalan dan tatacara kerja berdasarkan mana-mana kategori yang dilindungi oleh undang-undang yang terpakai. Sebagai anggota tenaga kerja kami, anda bertanggungjawab untuk mendokong standard ini dan mematuhi dasar-dasar Syarikat. Untuk maklumat lebih lanjut, sila rujuk [Dasar Pekerjaan Global](#).

2.2 Anti-Gangguan

Kami komited untuk menyediakan persekitaran kerja yang bebas daripada gangguan, lisan, fizikal atau persekitaran. Sebagai anggota tenaga kerja kami, anda bertanggungjawab untuk mendokong standard ini dan mematuhi dasar anti-gangguan.

2.3 Memerangi Pmerdagangan Manusia dan Buruh Paksa

Kami komited terhadap amalan pekerjaan yang adil dan berperikemanusiaan, dan tidak berkompromi dengan penggunaan buruh paksa, terikat, atau buruh berhutang. Kami tidak menggunakan pekerja di bawah umur yang dibenarkan oleh undang-undang. Sebagai anggota tenaga kerja kami, anda bertanggungjawab untuk mendokong standard ini dan mematuhi peraturan [Dasar Pekerjaan Global](#).

2.4 Kesihatan dan Keselamatan di Tempat Kerja

Kami berusaha untuk memastikan persekitaran kerja yang selamat untuk pekerja kami dan orang lain dengan mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Dalam operasi sehari-hari, kami menyepadukan keselamatan dan kesihatan ke dalam reka bentuk, pembuatan, pemasangan, penggunaan, penyelenggaraan dan perkhidmatan produk; dan kami menjadikan keselamatan sebagai keutamaan.

Kami tidak berkompromi dengan ancaman, perilaku mengancam, atau tindakan kekerasan terhadap pekerja, kontraktor, atau pengunjung.

Sebagai anggota tenaga kerja kami, anda bertanggungjawab untuk

Contoh Maklumat Sulit

- Data teknikal bukan awam, rahsia dagangan, dan harta intelek bukan awam lain
- Data prestasi alat
- Produk atau rancangan pemasaran yang tidak diumumkan
- Resipi, formula, gambar, atau pembangunan perisian
- Maklumat kewangan bukan awam, termasuk penghantaran, pendapatan, margin, produk dan maklumat kos lain, dan ramalan
- Maklumat pekerja seperti carta organisasi dan gaji
- Maklumat sulit pelanggan dan pembekal

mendokong standard ini dan mematuhi peraturan [Dasar Kesihatan dan Keselamatan Alam Sekitar](#) dan [Dasar Keganasan di Tempat Kerja Keselamatan Global](#).

2.5 Melindungi Maklumat Pekerja

Kami menghormati privasi dan kerahsiaan maklumat yang boleh dikenal pasti secara peribadi rakan sekerja kami. Maklumat yang boleh dikenal pasti secara peribadi merujuk kepada maklumat yang dikendalikan oleh Lam yang dapat dikenal pasti oleh pekerja tertentu. Kami hanya menyimpan rekod pekerja yang diperlukan untuk tujuan perniagaan, undang-undang atau kontrak, dan menghadkan akses dan pengetahuan mengenai rekod tersebut kepada orang yang memerlukan maklumat tersebut untuk tujuan yang sah.

Sebagai anggota tenaga kerja kami, anda mempunyai tanggungjawab untuk melindungi dan memelihara kerahsiaan setiap maklumat peribadi yang anda akses. Untuk maklumat lebih lanjut, sila hubungi wakil Sumber Manusia anda.

3 Hubungan Kami dengan Syarikat

Melindungi aset Lam sangat penting untuk kejayaan Syarikat kami. Sebagai anggota tenaga kerja kami, anda mempunyai kewajipan untuk menggunakan aset Syarikat hanya untuk tujuan perniagaan yang sah, untuk melindungi aset ini daripada penggunaan atau kerugian yang tidak dibenarkan, untuk merahsiakannya dengan sewajarnya, dan tidak sesekali menggunakan aset Lam untuk tujuan yang menyalahi undang-undang atau tidak wajar.

3.1 Melindungi Maklumat Sulit

Setiap tahun, Lam melaburkan sebahagian besar pendapatannya dalam penyelidikan dan pembangunan. Salah satu cara Lam melindungi pelaburan itu adalah dengan memelihara kerahsiaan maklumatnya. Namun, maklumat teknologi bukanlah satu-satunya maklumat yang harus dirahsiakan. Pendedahan mana-mana maklumat bukan umum, termasuk prestasi kewangan Lam, rancangan perniagaan, dan maklumat pelanggan atau pembekal boleh menyebabkan Lam mengalami kerugian yang besar.

Ambil langkah-langkah keselamatan yang sesuai untuk melindungi maklumat sulit dengan cara berikut:

- Semak dengan teliti dan patuhi dasar kami berkenaan maklumat sulit, termasuk [Dasar Keselamatan Maklumat Global](#) dan [Tatacara Keselamatan Data](#).
- Pertimbangkan khalayak anda setiap kali menyampaikan sesuatu yang berkaitan dengan Lam, pelanggan anda, atau pihak ketiga yang

Melindungi Maklumat Sulit

Maklumat sulit mesti disimpan dengan cara yang tidak dilihat atau diakses oleh orang yang tidak memerlukan akses kepada maklumat tersebut.

Apabila anda berada jauh dari meja anda, masukkan dokumen yang mengandungi maklumat sulit di dalam laci atau kabinet yang berkunci. Jangan simpan maklumat sedemikian dalam format elektronik pada pelayan yang dapat diakses oleh kakitangan yang tidak perlu tahu maklumat tersebut.

Untuk langkah-langkah lain untuk melindungi maklumat sulit, sila semak dasar Syarikat termasuk [Dasar Keselamatan Maklumat Global](#) dan [Tatacara Keselamatan Data](#).

- lain;
- Semak semula mesej dan lampiran sebelum menghantarnya untuk mengelakkan penyebaran maklumat sulit yang tidak disengajakan; dan
- Simpan semua maklumat sulit atau maklumat proprietari dengan kerahsian yang ketat pada setiap masa sepanjang tempoh pekerjaan atau perkhidmatan anda dengan Lam dan selepas itu.

3.1.1 Maklumat Sulit Lam

Kami melindungi maklumat sulit Syarikat kami. Sebelum berkongsi maklumat sulit dengan pihak luar, secara bertulis atau lisan, pastikan sewajarnya Bukan Pendedahan Perjanjian (Non Disclosure Agreement, NDA), yang diluluskan oleh Jabatan Undang-undang telah dilaksanakan.

NDA ialah perjanjian undang-undang yang menerangkan bagaimana individu, kumpulan atau syarikat, mesti menangani maklumat yang didedahkan kepada mereka oleh pihak lain individu, kumpulan atau syarikat. NDA biasanya mempunyai skop rangkuman yang tidak menyeluruh. NDA hendaklah merangkumi pendedahan yang anda ingin buat, dan mempunyai sekatan yang wajar terhadap penggunaan maklumat sulit pihak lain.

Sekiranya NDA yang ada tidak merangkumi maklumat dengan sewajarnya, jangan mendedahkan maklumat tersebut sehingga NDA yang sesuai disediakan. Di samping itu, apa-apa keperluan penandaan dan pemberitahuan yang dinyatakan dalam NDA harus difahami dan diikuti untuk memberikan perlindungan penuh NDA kepada Syarikat kami.

3.1.2 Maklumat Sulit Pihak Lain

Sama seperti kita melindungi maklumat sulit Lam, kita juga harus melindungi maklumat sulit pihak ketiga. Anda mesti memperlakukan maklumat sulit pihak ketiga menurut undang-undang, perjanjian kontrak dengan pihak ketiga tersebut, dan standard perniagaan tertinggi.

Pastikan NDA yang ditandatangani yang diluluskan oleh Jabatan Undang-undang dilaksanakan sebelum bertukar maklumat sulit dengan pihak ketiga. Sekiranya anda mendapat maklumat sulit pihak ketiga menurut NDA, pastikan syarat-syarat NDA tersebut dipatuhi.

Maklumat Pelanggan. Berkaitan dengan pelanggan kami, maklumat

yang dimiliki oleh pelanggan kami yang tidak dimaksudkan untuk diedarkan secara amnya dianggap sebagai maklumat sulit pelanggan. Maklumat ini mungkin atau mungkin tidak didedahkan di bawah NDA. Selain itu, kontrak pelanggan kami secara khusus boleh menghalang kami untuk menyatakan bahawa mereka ialah pelanggan kami. Anda mesti mematuhi syarat kerahsiaan yang ditentukan oleh pelanggan kami.

- Ikuti prosedur untuk pengelasan dan pengendalian maklumat pelanggan di [Dasar Keselamatan Maklumat Global](#) dan [Tatacara Keselamatan Data](#).

Maklumat Pesaing. Berkaitan dengan pesaing kami, kami ingin bersaing dengan mereka secara adil, dan tidak mahu maklumat sulit mereka. Berwaspada ketika anda mengadakan perbualan dengan individu yang bekerja untuk pesaing, agar tidak menerima *apa-apa* maklumat sulit.

Sekiranya anda mendapat maklumat tentang pesaing kami, anda mesti melakukannya secara sah dan beretika dengan:

- Menggunakan maklumat daripada sumber yang tersedia kepada awam seperti menerbitkan artikel, siaran akhbar, pengiklanan dan rekod awam;
- Jangan sekali-kali memberi gambaran yang salah tentang diri anda atau menggunakan cara yang tidak wajar;
- Jangan sesekali mencari maklumat sulit tentang syarikat lain daripada pemohon kerja;
- Jangan sekali-kali membawa maklumat sulit milik majikan terdahulu ke dalam premis atau sistem Lam, atau menggunakan maklumat sulit daripada majikan sebelumnya;
- Semasa berkomunikasi dengan pesaing, nyatakan dengan jelas bahawa anda tidak mahu maklumat sulit atau hak milik pesaing, dan mereka harus berkongsi maklumat hanya jika mereka diberi kuasa untuk membuat pendedahan itu; dan
- Jangan sesekali menerima atau menggunakan maklumat yang mungkin diperoleh secara tidak wajar.

Sekiranya anda memiliki maklumat sulit pesaing, sampaikan melalui proses Maklumat Kompetitif (di mana ia boleh diperiksa oleh jabatan undang-undang Lam) atau segera hubungi Jabatan Undang-undang. Maklumat tidak boleh dikongsi, diedarkan atau dianalisis, kecuali seperti yang diperintahkan oleh Maklumat Persaingan atau hubungan Undang-undang anda.

Penggunaan atau pendedahan maklumat rahsia atau rahsia dagangan

Harta Intelek

Harta intelek merangkumi beberapa perkara, seperti tanda dagang, hak cipta, rahsia dagangan, pengetahuan, penemuan, idea, dan paten.

orang lain yang tidak dibenarkan boleh mengakibatkan hukuman sivil dan jenayah. Berunding dengan Jabatan Undang-undang jika anda ada apa-apa pertanyaan berkenaan penggunaan atau pendedahan maklumat sulit.

- Untuk maklumat lebih lanjut, sila rujuk [Dasar Keselamatan Maklumat Global](#), [Tatacara Keselamatan Data](#), [Pelan Kawalan Teknologi](#), [Dasar Perisikan Kompetitif](#) dan [Tatacara Perisikan Kompetitif](#).

3.2 Melindungi Hak Harta Intelek

Hak harta intelek Lam (tanda dagang, logo, hak cipta, rahsia dagangan, "pengetahuan", dan paten kami) adalah antara aset kami yang paling bernilai. Harta intelek yang kami hasilkan di Lam menyumbang kepada kejayaan Lam, dan setiap orang mempunyai kewajipan untuk melindungi aset ini daripada pendedahan tidak dibenarkan atau penyalahgunaan. Berwaspada untuk memastikan bahawa nama Lam tidak digunakan untuk menyokong produk dan perkhidmatan pihak ketiga tanpa kebenaran, dan dapatkan kelulusan daripada Jabatan Komunikasi Korporat kami sebelum penggunaan tanda dagang dan logo kami.

Kami juga menghormati hak harta intelek pihak ketiga, dan melindungi maklumat sulit mereka daripada penggunaan dan pendedahan yang tidak dibenarkan. Penggunaan harta intelek pihak lain secara tidak wajar boleh menyebabkan Lam dan anggota tenaga kerja kita dikenakan hukuman sivil dan jenayah.

Selain itu, kami mematuhi hak cipta untuk perisian pada komputer kami dan di kawasan penyimpanan komputer rangkaian di bawah kawalan kami. Jangan menyalin, memasang, atau selainnya menggunakan perisian dengan cara yang melanggar perjanjian lesen perisian tersebut atau undang-undang hak cipta. Dapatkan kelulusan Ketua Pegawai Maklumat sebelum memasang perisian yang belum diluluskan terlebih dahulu oleh Jabatan Teknologi Maklumat kami.

Integriti Kewangan

Anda tidak boleh memasuki NDA atau kontrak lain bagi pihak Lam tanpa mengikuti Dasar Kebenaran Tandatangan, yang menyatakan bahawa kebanyakan kontrak memerlukan semakan Undang-undang.

Anda mesti memastikan rekod kewangan kita tepat dan lengkap.

3.3 Memastikan Integriti dan Tanggungjawab Kewangan

Kita masing-masing mempunyai peranan dalam memastikan bahawa wang yang kita keluarkan bagi pihak Lam dibelanjakan dengan wajar, dan bahawa rekod kita tepat dan lengkap. Ini merangkumi semua aspek integriti kewangan kita, dari bagaimana kita membelanjakan wang kita, hingga amalan perakaunan kita, dan urusan kita dengan pihak ketiga.

3.3.1 Amalan Perakaunan yang Tepat

Kami memastikan ketepatan dan kelengkapan rekod kami. Sebagai anggota tenaga kerja kami, anda mesti:

- Menyiapkan laporan yang diperlukan oleh Syarikat dengan tepat dan benar (contohnya laporan perbelanjaan, kad masa, dan laporan penjualan dan pembuatan).
- Jalankan transaksi mengikut dasar kewangan kami.
- Tidak terlibat dalam sebarang transaksi atau membuat akaun yang tidak didedahkan untuk memperoleh, menyimpan, atau melupuskan aset Syarikat tanpa rekod dan pendedahan yang betul dalam sistem kewangan kami.
- Jangan membuat entri palsu atau mengelirukan, atau memberikan maklumat yang menyebabkan entri seperti itu dibuat, di dalam buku dan rekod kami, dengan alasan apa pun.
- Tidak membuat apa-apa pembayaran tidak kira dalam bentuk apa pun bagi pihak Lam tanpa dokumentasi sokongan yang mencukupi, atau untuk apa-apa tujuan lain selain daripada apa yang dijelaskan dalam dokumen.
- Dapatkan ulasan dan kelulusan yang diperlukan, dan pastikan anda diberi kebenaran dengan betul menurut [Dasar Kelulusan dan Kebenaran Tandatangan Global](#), sebelum anda menandatangani kontrak, termasuk NDA; meluluskan transaksi; atau mengakses, menghapus kira, atau menyimpan dana atau aset Lam.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila rujuk dasar kewangan termasuk [Dasar Kelulusan dan Kebenaran Tandatangan Global](#).

3.3.2 Menyimpan Rekod

Kami menyimpan dan memusnahkan rekod menurut dasar penyimpanan rekod kami, dan anda dijangkakan akan menyimpan rekod seperti yang disyaratkan oleh dasar. Jabatan Undang-undang juga boleh meminta anda menyimpan rekod tertentu untuk tujuan undang-undang atau audit. Ini mungkin dalam bentuk

Menggunakan Aset Lam

Aset Lam termasuk peralatan, seperti mesin fotokopi dan telefon; perkakasan komputer, perisian, rangkaian, e-mel dan akses Internet; harta lain yang kami simpan di premis Syarikat (seperti fail kerja kami dan dokumen lain); dan masa dan kemahiran kakitangan kami pada waktu bekerja.

pemberitahuan "Penangguhan Undang-Undang" untuk tidak memusnahkan rekod tertentu. Anda mesti mematuhi dan menyimpan semua rekod elektronik dan salinan cetak yang dinyatakan dalam Penangguhan Undang-Undang, termasuk e-mel, draf, dan pendua, sehingga anda mendapat arahan selanjutnya daripada Jabatan Undang-Undang. Sekiranya anda menyedari siasatan atau litigasi daripada pihak kerajaan yang melibatkan Lam, jangan buang atau hapus rekod yang berkaitan dengan perkara tersebut. Hubungi Jabatan Undang-undang dengan segera.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila rujuk [Dasar Pengurusan Rekod Global](#), [Tatacara Pengurusan Rekod Global](#) dan [Jadual Penyimpanan Rekod Global](#).

3.4 Menggunakan Aset dan Sistem Komunikasi Lam dengan Bertanggungjawab

Lam memberi kita alat dan peralatan yang kita perlukan untuk melakukan tugas kita dengan berkesan, namun terpulang pada kita untuk bertanggungjawab dan menggunakan sumber-sumber ini dengan pertimbangan dan pembatasan yang sewajarnya. Penggunaan harta Syarikat secara peribadi adalah perkara kedua dan hanya boleh diterima apabila tidak mengganggu pekerjaan anda dan tidak melanggar dasar-dasar Syarikat. Anda tidak boleh mengarahkan masa atau sumber tenaga Lam untuk penggunaan peribadi anda.

Anda mesti mematuhi [Dasar Penggunaan Sistem Komunikasi](#) dalam penggunaan sistem komunikasi Lam sama ada anda berada di lokasi atau mengakses sistem Lam di luar lokasi. Jangan gunakan sistem Lam dengan cara yang menyalahi undang-undang, tidak beretika, atau bertentangan dengan dasar-dasar Syarikat, seperti menghantar mesej yang mengancam, cabul, mengganggu atau diskriminasi, menyebarkan e-mel rantaian, perjudian, atau permainan.

Semua data yang diwujudkan, dihantar, diterima, atau disimpan menggunakan sistem komunikasi Lam adalah dan tetap menjadi hak milik Lam. Penggunaan sumber-sumber Syarikat, sama ada di pejabat atau di rumah, adalah bukan bersifat peribadi. Lam berhak untuk meninjau kandungan semua sistem komunikasi perniagaan, memeriksa fasiliti, dokumen perniagaan, dan pejabat miliknya, apabila Lam berhasrat melakukan sedemikian, haruslah menurut undang-undang privasi data yang terpakai.

Semasa menggunakan peranti mudah alih yang dikeluarkan Syarikat atau peranti mudah alih peribadi dengan akses ke sistem dan data komunikasi Lam, anda mesti melindungi maklumat sulit atau proprietari pada peranti dan menggunakan tatacara pengurusan data yang selamat. Anda dilarang

Percanggahan Kepentingan

Sekiranya anda berada dalam situasi di mana mungkin terdapat Percanggahan yang sebenar, berkemungkinan atau anggapan, atau ada kemusykilan sama ada wujudnya Percanggahan, anda harus [mendedahkan perkara tersebut](#).

menyimpan apa-apa maklumat Syarikat pada peranti mudah alih peribadi, kecuali dalam repositori dan aplikasi data korporat yang diluluskan. Lam mungkin memerlukan akses fizikal kepada peranti mudah alih untuk tujuan perniagaan yang sah, seperti menyalut tuduhan pelanggaran dasar atau untuk melaksanakan penangguhan undang-undang.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila rujuk [Dasar Penggunaan Sistem Komunikasi](#), [Dasar Keselamatan Maklumat Global](#), dan [Tatacara Penggunaan Peranti Mudah Alih](#).

3.5 Mengelak Percanggahan Kepentingan

Percanggahan kepentingan timbul apabila kepentingan peribadi kita mengganggu kepentingan terbaik Lam. Walaupun secara amnya anda bebas melakukan transaksi kewangan dan perniagaan peribadi, kebebasan ini tidak tanpa had. Anda mesti mengelakkan situasi di mana (i) kesetiaan anda mungkin berbelah bahagi antara kepentingan Lam dan kepentingan anda sendiri; (ii) kemampuan anda untuk melaksanakan pekerjaan anda akan terganggu; atau (iii) terdapat apa-apa penampakan percanggahan kepentingan.

Percanggahan kepentingan dapat dielakkan atau dikurangkan jika pendedahan dilakukan dengan segera. Sekiranya anda berada dalam situasi di mana terdapat percanggahan kepentingan yang sebenar, berkemungkinan atau anggapan, anda mesti mendedahkan perkara itu dan mendapatkan kelulusan menurut [Tatacara Percanggahan Kepentingan \(LGL 41207\)](#). Anda tidak boleh menggunakan pertimbangan sendiri dalam hal-hal ini. Tindak balas terhadap pendedahan boleh merangkumi: (i) bahawa Lam tidak mempunyai bantahan pada ketika itu, tertakluk pada semakan masa hadapan; (ii) langkah-langkah yang mesti anda ambil mengikut kepuasan Lam; atau (iii) bahawa aktiviti tersebut tidak dibenarkan.

Penting untuk membuat pendedahan menepati masanya untuk mengelak percanggahan kepentingan yang sebenar, berkemungkinan dan anggapan. Dedahkan semua percanggahan menggunakan [Borang Pendedahan Percanggahan Kepentingan, Hadiah dan Hiburan Pekerja](#). Untuk maklumat lebih lanjut, rujuk [Tatacara Percanggahan Kepentingan](#).

3.5.1 Memberi atau Menerima Hadiah, Jamuan, Perjalanan atau Hiburan (GMTE)

Pertukaran hadiah perniagaan, jamuan atau hiburan dengan nilai yang wajar ialah kelaziman adat perniagaan yang dapat menjalin hubungan kerja yang mesra. Namun, anda mesti elakkan memberi atau menerima hadiah, jamuan, hiburan, atau ihsan perniagaan lain yang boleh menimbulkan Percanggahan Kepentingan. Dalam semua keadaan, hadiah, jamuan, hiburan atau perniagaan mesti:

Hadiah, Jamuan, Perjalanan dan Hiburan

- Anda dijangkakan dapat menentukan situasi yang memerlukan prakelulusan. Semua permintaan prakelulusan mesti dihantar menggunakan [Borang Pendedahan Hadiah, Makanan, Perjalanan, dan Hiburan](#).
- Negara mempunyai peraturan yang berbeza yang membatasi kemampuan kita untuk memberikan hadiah dan penghargaan perniagaan kepada pegawai kerajaan. Sebelum anda memberikan hadiah atau ihsan perniagaan lain kepada pegawai kerajaan (termasuk pekerja entiti milik kerajaan atau negara), rujuk Jabatan Undang-Undang terlebih dahulu.

- Untuk tujuan perniagaan yang sah – iaitu, untuk mempromosikan peralatan dan perkhidmatan Lam dan menjalinkan hubungan perniagaan;
- Bersesuaian dengan tempoh;
- Berkadaran dengan tahap kekananan;
- Dalam nilai sederhana dan tidak kerap (tidak mewah atau berlebihan);
- Mematuhi undang-undang, peraturan dan standard etika; dan
- Selaras dengan Nilai Teras Lam dan tidak memberi gambaran negatif terhadap imej Lam jika ia menjadi umum.

Pekerja mesti mematuhi [Dasar Hadiah, Makanan, Perjalanan dan Hiburan \(GMTE\)](#) dan [Tatacara](#) Lam, yang mengandungi syarat khusus (misalnya, perbelanjaan dan had terkumpul) dan larangan yang berkaitan dengan pemberian dan penerimaan GMTE. Lam mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai yang berkaitan dengan antirasuah dan sogokan dengan ketat. Pekerja tidak boleh memberi, menawar, menjanjikan atau membenarkan GMTE kepada pegawai awam atau entiti milik negara tanpa mematuhi dasar-dasar syarikat dan undang-undang yang terpakai. Terdapat peningkatan risiko ketika berurusan dengan entiti milik negara dan orang awam dan makanan berlebihan atau hiburan yang ditawarkan dapat dilihat sebagai kelebihan yang tidak wajar. [Dasar GMTE](#) dan [Tatacara Lam](#) membimbing pekerja berkenaan perkara-perkara yang dibenarkan dan bila diperlukan kelulusan dan panduan lebih lanjut. Anda juga mesti mematuhi [dasar](#) dan [tatacara](#) pembayaran balik perbelanjaan Syarikat dan mendokumentasikan semua perbelanjaan dengan betul.

Dasar-dasar rakan niaga kami (termasuk pegawai awam dan entiti milik negara) atau kontrak mereka dengan Lam mungkin mengandungi keperluan berbeza berkenaan GMTE dan layanan perniagaan lain. Anda dijangka untuk mengetahui dan untuk mematuhi keperluan yang terpakai. Jika syarat rakan niaga kami berbeza daripada Lam, anda mesti mematuhi mana-mana satu syarat yang paling ketat. Perkara ini sangat penting apabila berurusan dengan pegawai awam atau pekerja entiti milik negeri.

